

18/04/1998

Air: Malaysia, Singapura capai persefahaman

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia dan Singapura sudah mencapai persefahaman mengenai syarat perjanjian bekalan air di antara kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, persefahaman juga sudah dicapai mengenai penjualan bekalan air secara berterusan ke Singapura dan beliau yakin perkara itu boleh diselesaikan tanpa sebarang halangan besar.

"Kita sedang berunding mengenainya. Saya rasa ia akan berjalan dengan baik," katanya selepas melakukan kunjungan perpisahan terhadap Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni di sini, petang ini.

Mengikut perjanjian sedia ada, Singapura membeli kira-kira 1,527 bilion liter air yang belum dirawat setiap hari pada harga tiga sen setiap 4,540 liter.

Ditanya sama ada perjanjian itu boleh ditandatangani esok dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, Perdana Menteri berkata: "Bukan (ditandatangani) esok. Tetapi kami sudah mencapai satu persefahaman."

Bagaimanapun Dr Mahathir menjelaskan, berikutan air dikawal oleh kerajaan negeri, sudah tentunya beliau terpaksa meminta pandangan dan persetujuan negeri sebelum meneruskan perjanjian berkenaan.

Ketika ditemui pemberita di Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di London baru-baru ini, beliau berkata Malaysia dan Singapura sudah 'hampir' mencapai persefahaman bagi meneruskan bekalan air ke republik itu.

Isu perjanjian bekalan air Malaysia ke Singapura adalah antara topik yang menjadi tumpuan di antara kedua-dua negara kebelakangan ini, sejak ia ditimbulkan oleh Goh bulan lalu.

Ketika itu, Goh yang melawat Kuala Lumpur menyatakan hasrat Singapura untuk merundingkan perjanjian bekalan air yang baru dengan Malaysia bagi tempoh selepas tahun 2061, iaitu apabila kontrak sedia ada tamat.

Usaha Singapura itu disifatkan sesetengah pihak sebagai terlalu awal kerana 2061 masih satu tempoh yang panjang dan Malaysia dikatakan mahu ia hanya dirundingkan apabila tempoh tamat kontrak sedia ada semakin hampir.

Antara sebab yang mendorong Malaysia mengambil pendirian itu ialah untuk memastikan syarat kontrak bekalan itu tidak merugikan negara, terutama dari segi pertimbangan faktor kos.

Dengan merundingkan kontrak itu ketika tempoh tamatnya hampir, Malaysia berharap sebarang persetujuan mengenainya dapat disesuaikan dengan keperluan tempatan dari segi kos, jumlah penduduk dan kadar tukaran wang.

Menjawab pertanyaan wartawan BBC yang meminta Dr Mahathir menjelaskan mengapa beliau amat yakin Malaysia akan berjaya mengharungi kegawatan ekonomi sekarang, Perdana Menteri menjelaskan asas yang kukuh adalah faktor utama.

(END)